

KEMPEN CERIA RAYA BERSAMA KOBANAS 2026

TERMA DAN SYARAT

A. SYARAT-SYARAT DAN KELAYAKAN KEMPEN

- 1) Kempen ini terbuka kepada semua anggota KOBANAS yang aktif dan memenuhi syarat kelayakan pembiayaan yang ditetapkan oleh KOBANAS.
- 2) Anggota mestilah telah memohon:
 - Pembiayaan Tunai KOBANAS (RM5,000 – RM150,000)
 - Pembiayaan Konsumer KOBANAS (RM5,000 sehingga RM100,000).
- 3) Penyertaan adalah layak bagi permohonan yang:
 - Diluluskan
 - Telah dibuat pengeluaran sepenuhnya dalam tempoh kempen.
- 4) Penyertaan adalah secara **AUTOMATIK** apabila pembiayaan diluluskan dan dibuat pengeluaran dalam tempoh kempen.
- 5) Bagi anggota yang mempunyai lebih daripada satu (1) pembiayaan yang diluluskan dalam tempoh kempen, jumlah keseluruhan pembiayaan dalam tempoh kempen akan diambil kira bagi tujuan insentif.
- 6) Semua permohonan adalah tertakluk kepada kelulusan kredit dan polisi pembiayaan KOBANAS.

B. TEMPOH KEMPEN

- 1) Tempoh kempen adalah tertakluk kepada kelulusan Lembaga dan akan dimaklumkan secara rasmi melalui saluran komunikasi KOBANAS. **(Sehingga 31 Mac 2026)**
- 2) KOBANAS berhak untuk meminda, menukar atau memendekkan tempoh kempen sekiranya perlu.

C. INSENTIF DUIT RAYA

- 1) Anggota yang layak akan menerima Duit Raya berdasarkan jumlah pembiayaan yang diluluskan seperti berikut:

Jumlah Pembiayaan Diluluskan	Duit Raya
RM5,000 – RM19,999	RM30
RM20,000 – RM49,999	RM50
RM50,000 – RM100,000	RM70
RM101,000 – RM150,000	RM100

- 2) Duit Raya akan dibayar sekali sahaja bagi jumlah keseluruhan pembiayaan yang layak.
- 3) Pembayaran Duit Raya akan dibuat melalui kaedah yang ditentukan oleh KOBANAS selepas pengeluaran pembiayaan dibuat.
- 4) Sekiranya pembiayaan dibatalkan atau ditarik balik kelayakan Duit Raya adalah terbatal.

D. KAEDAH CABUTAN UTAMA – HADIAH GOLD BAR

- 1) Selain insentif Duit Raya, anggota yang layak akan berpeluang menyertai Cabutan Utama Gold Bar seberat 0.5g.
- 2) Penyertaan ke dalam cabutan utama adalah secara automatik dan tertakluk kepada kategori pembiayaan seperti berikut:

Jumlah Pembiayaan Diluluskan	Bilangan Penyertaan Cabutan
RM5,000 – RM19,999	1 nama
RM20,000 – RM49,999	2 nama
RM50,000 – RM100,000	3 nama
RM101,000 – RM150,000	4 nama

- 3) Setiap “nama” merujuk kepada satu (1) penyertaan dalam cabutan bertuah.
- 4) Cabutan akan dibuat secara manual (cabutan fizikal), atau secara digital (sistem rawak / aplikasi) selepas tamat tempoh kempen. Tarikh cabutan akan diberitahu kemudian.
- 5) Hadiah cabutan bertuah adalah Gold Bar seberat 0.5g.

- 6) Setiap pemenang hanya layak memenangi satu (1) hadiah sahaja sepanjang tempoh kempen.
- 7) Hadiah tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar kepada wang tunai.
- 8) Keputusan cabutan adalah muktamad.

E. LAIN-LAIN

- 1) Dengan menyertai kempen ini, anggota bersetuju bahawa maklumat peribadi mereka boleh digunakan untuk tujuan pengurusan dan promosi kempen ini selaras dengan polisi perlindungan data KOBANAS.
- 2) KOBANAS berhak menyiarkan nama dan/atau gambar pemenang untuk tujuan promosi di mana-mana medium komunikasi yang bersesuaian.
- 3) KOBANAS berhak untuk meminda, membatalkan atau menambah mana-mana Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa dengan kelulusan pengurusan dan/atau Lembaga.
- 4) KOBANAS tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan atau kegagalan yang berpunca daripada keadaan di luar kawalan munasabah seperti bencana alam, gangguan sistem, atau keadaan luar jangka lain.